

SEJARAH ADAT SOGIT: MASYARAKAT DUSUN LIWAN, SARAYO, RANAU

History of Sogit Traditional Practice: Dusun Liwan Community, Sarayo, Ranau

Nur Anis Aswirah Sabilin

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Aswirahsabilin@gmail.com*

Dihantar: 22 Ogos 2024 / Diterima: 11 Sept. 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Amalan sogit merupakan salah satu amalan secara tradisinya merupakan satu amalan turun temurun yang telah diamalkan sejak dahulu lagi terutamanya masyarakat Dusun Liwan di daerah Ranau. Ianya juga menjadi satu bentuk yang mengikat norma kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Hal ini menjadikan sogit salah satu identiti ataupun warisan budaya penting bagi masyarakat di Sabah. Walaubagaimanapun, dalam konteks masyarakat pada masa kini, amalan sogit kurang diketahui dan diamalkan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kemunculan institusi agama, undang-undang serta pemahaman oleh generasi muda dan beberapa aspek lain. Artikel ini akan membincangkan mengenai latar belakang masyarakat Dusun Liwan di Ranau. Dalam artikel ini juga akan mengupas beberapa jenis pengamalan adat sogit serta perubahan pelaksanaan adat sogit dalam kalangan masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau. Oleh itu, diharapkan agar artikel ini menjadi satu medium dalam pendokumentasian, memelihara, dan meningkatkan pemahaman tentang warisan budaya yang berharga ini, serta menyumbang kepada usaha-usaha pelestarian adat istiadat masyarakat Dusun untuk generasi akan datang.

Kata Kunci: Sogit, Dusun Liwan, Sarayo

Abstract

Sogit is one of the traditional practices that has been practiced since immemorial, especially by the Dusun Liwan community in Ranau district. It is also a form that binds the past community life norms. This makes sogit an important identity or cultural heritage for the people of Sabah. However, in today's society, the practice of sogit is less known and practiced. This is due to several factors such as the emergence of religious institutions, laws and understanding by the younger generation, and several other aspects. This article will discuss the background of the Dusun Liwan community in Ranau. In this article will also cover some types of sogit custom practice as well as changes in the implementation of sogit custom among the Dusun Liwan community in Sarayo, Ranau. Therefore, it is hoped that this article will become a medium in documenting, preserving, and increasing understanding of this valuable cultural heritage, as well as contributing to the preservation efforts of Dusun community customs for future generations.

Keywords: *Sogit, Dusun Liwan, Sarayo*

Pengenalan

Adat sogit merupakan salah satu warisan budaya yang signifikan dalam masyarakat Dusun di Sabah, Khususnya di kalangan masyarakat Dusun Liwan yang mendiami kawasan Sarayo, Ranau. Adat sogit ini ini telah menjadi teras dalam mengekalkan keharmonian sosial dan keseimbangan spiritual sejak zaman nenek moyang mereka. Sarayo merupakan salah satu kawasan yang mempunyai beberapa buah kampung yang terletak di daerah Ranau, Sabah. Kawasan ini dikelilingi oleh pemandangan gunung yang memukau dan hutan hujan tropika yang lebat dan telah menjadi saksi kepada pengamalan adat sogit masyarakat Dusun Liwan.

Adat sogit menjadi satu sistem perundangan tradisional yang bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian, memulihkan keharmonian, dan mengekalkan keseimbangan dalam masyarakat. Adat ini melibatkan proses yang kompleks, di mana pihak yang bersalah perlu membayar pampasan kepada pihak yang teraniaya, bukan hanya dalam bentuk material, tetapi juga melalui ritual dan upacara tertentu. Oleh itu, amalan adat sogit telah menjadi tulang belakang dalam sistem sosial masyarakat Dusun Liwan, membentuk tingkah laku, nilai moral, dan

hubungan interpersonal mereka. Dengan erti kata lain, adat ini bukan sekadar satu peraturan, tetapi merupakan kepercayaan mereka terhadap keadilan, keharmonian, dan keseimbangan antara dunia fizikal dan spiritual. Secara keseluruhannya, artikel ini meneroka sejarah pengamalan adat sogit dalam konteks masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau. Perbincangan juga mengkhusus kepada jenis sogit, perubahan, isu yang dihadapi dan langkah untuk mengatasi dalam pelaksanaan amalan sogit dalam kalangan masyarakat dusun liwan di Sarayo, Ranau.

Asal Usul Dusun Liwan

Dusun Liwan merupakan salah satu sub-etnik Dusun yang terbesar di daerah Ranau. Dusun Liwan terbahagi juga kepada dua bahagian iaitu Liwan Sarayo dan Liwan Tanah Rata. Sub-etnik Dusun Liwan ini tersebar di kampung Tagudon Lama, seterusnya di Sosondoton, Ratau, Torolobou dan kawasan sekitarnya. Namun kampung terawal yang didiami sub-etnik ini di Tanah Rata Ranau adalah di kampung Kituntul Lama, Marakau, Matan, Sinorut, Tudangan dan Kilimu. Sebagaimana dalam cerita orang-orang tua yang mengatakan bahawa dalam kawasan Nunuk Ragang ini tidak pernah wujudnya Dusun Liwan. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak ada cerita rakyat yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Dusun Liwan di Nunuk Ragang (Siaw Yan-Li, 2023: 70).

Dialek Dusun Liwan merupakan dialek yang paling dominan di antara dialek lain walaupun bukan sub-etnik terbesar di Ranau. Hal ini disebabkan oleh dialek yang mudah untuk ditiru dan dipelajari oleh sub-etnik lain sehingga ianya menjadi dialek perhubungan di antara sub-etnik.

Jadual 1: Perbezaan Bahasa antara Dusun Liwan, Dusun Bundu dan Dusun Talantang

| Melayu | Dusun Liwan | Dusun Bundu | Dusun Talantang |
|---------------|--------------------|--------------------|------------------------|
| Tahu | Koilo | Koilo | Kiilo |
| Tidak | Awu | Amu/aa'ii | Uu/Uu'ii |
| Tidak Tahu | Inokoilo | Inokoilo | Inokiilo |
| Air | Waig | Waig | Wiig |
| Sirih | Daing | Daing | Diing |

| | | | |
|----------------|--------------|------------------|-------------|
| Duduk | Mirikau | Mirikau/Mindikau | Mogom |
| Rumah | Walai | Dualai | Lamin |
| Ubi Keledek | Kasou | Woie | Bayag |
| Menangis | Mihad | Mihad | Miad |
| Tuhan | Kinorohingan | Kinorohingan | Kinoreingan |
| Teman/Pasangan | Koruhang | Koruhang | Koruang |

Sumber: Nur Anis Aswirah, 2024: 28-30

Perbezaan di antara dialek Dusun Liwan dan Dusun Talantang tidak banyak bezanya dan hanya berbeza dalam sebutan H di mana Dusun Liwan membunyikan huruf H, manakala Dusun Talantang tidak membunyikan bunyi H. Dialek Dusun Liwan juga berbeza dengan Dusun Bundu daripada segi sebutan W. Dialek Dusun Liwan membunyikan huruf W manakala 99% dialek Dusun Bundu tidak membunyikan huruf W.

Konsep dan Jenis Sogit dalam Budaya Dusun

Sogit merupakan satu amalan yang menjadi tradisi turun-temurun masyarakat Dusun di Sabah. Menurut istilah, sogit didefinisikan sebagai denda yang dikenakan terhadap pesalah yang melanggar sesuatu adat ataupun melakukan sesuatu yang bercanggah dengan tabu masyarakat Dusun. Definisi dalam masyarakat Dusun pula, sogit merujuk kepada perkataan osogit yang bermaksud ‘sejuk’ ataupun ‘membawa sejuk’. Perkataan lawan bagi osogit adalah alasu yang bermaksud ‘panas’. Konsep sogit dipercayai mulai diamalkan kerana kepercayaan kuat kaum Dusun yang menganggap ala mini mempunyai kuasa ghaib. Hal ini mengeratkan lagi hubungan di antara kaum ini dan alam kerana mereka menganggap kuasa ghaib tersebut merupakan pelindung yang perlu dihormati. Oleh itu, sekiranya mereka melakukan sesuatu yang melanggar adat yang menyebabkan terjadinya alasu (panas) ataupun kemarahan kepada kuasa ghaib tersebut, maka ritual sogit perlu dijalankan untuk menyejukkannya (Animbok, 2023: 94-95).

Hukuman adat bukanlah denda yang melibatkan keuntungan semata-mata namun ianya ini adalah satu medium untuk mendamaikan pihak yang terkilan dengan memberi ganti rugi kepada mereka. Bukan sahaja kepada pihak yang terkilan, namun juga kepada makhluk ghaib dengan mendamaikan makhluk ghaib yang terkesan dengan pelanggaran adat. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan bahawasa kepercayaan itu sudah tidak dianggap relevan bagi masyarakat Dusun


pada masa kini, terutamanya kaum Dusun yang sudah memeluk agama Islam. Kepercayaan dalam amalan sogit pada masa kini dipengaruhi oleh agama yang dianuti dan dinamik budaya yang baru. Oleh itu, pandangan terhadap sogit adalah berbeza pada masa kini dengan adanya kepelbagaian agama yang dianuti oleh masyarakat Dusun (Syamsul, 2022: 118).

Amalan sogit merupakan salah satu aspek penting dalam budaya dan sistem kepercayaan masyarakat Kadazan Dusun. Sogit telah menjadi sebahagian daripada struktur sosial masyarakat ini sejak zaman berzaman. Sogit berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang mengawal tingkah laku ahli masyarakat. Ia merupakan sistem hukuman dan pampasan yang digunakan untuk menyelesaikan konflik dan mengekalkan keharmonian dalam komuniti. Sogit penting dalam memelihara keseimbangan sosial dan spiritual (Animbok, 2023: 92). Dalam konteks spiritual, sogit dilihat sebagai cara untuk memulihkan hubungan antara manusia dengan alam ghaib. Apabila berlaku pelanggaran adat atau norma sosial, masyarakat Kadazan Dusun percaya bahawa keseimbangan kosmik terganggu. Sogit menjadi cara untuk memulihkan keseimbangan ini dan mengelakkan bencana atau nasib malang.

Begitu juga, sogit juga memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi tradisional Kadazan Dusun. Pembayaran sogit, yang boleh berbentuk haiwan ternakan, hasil pertanian, atau barang berharga lain, mewujudkan sistem pertukaran dan pengagihan semula sumber dalam masyarakat (Musa *et. al.*, 2018: 2). Hubungan kekeluargaan dan komuniti turut diperkuuhkan melalui amalan sogit. Proses penyelesaian konflik melalui sogit sering melibatkan perundingan antara keluarga atau rohani yang terlibat, menggalakkan dialog dan pemahaman Rohani.

Oleh itu, sogit bukan sekadar sistem hukuman tetapi ia adalah manifestasi perspektif Kadazan Dusun yang rumit. Yang mana ianya menunjukkan bagaimana masyarakat Kadazan Dusun melihat keadilan, keseimbangan, dan hubungan antara manusia, alam semula jadi, dan alam ghaib. Sogit terus memainkan peranan penting dalam kepelbagaian budaya Kadazan Dusun, menghubungkan generasi baharu dengan warisan nenek moyang mereka walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Dari aspek jenis pula, sebagai amalan adat yang penting dalam masyarakat Dusun, terbahagi kepada beberapa jenis yang berbeza. Kepelbagaiannya jenis koleksi sogit mencerminkan kerumitan dan kedalaman kefahaman masyarakat Dusun Liwan terhadap pelbagai jenis pelanggaran dan cara untuk memperbetulkannya. Setiap jenis sogit direka untuk menangani pelanggaran atau kesalahan tertentu dalam konteks sosial dan spiritual masyarakat. Setiap jenis sogit mempunyai tatacara, bentuk pampasan dan ritual tersendiri. Pemahaman mendalam tentang jenis sogit ini penting agar masyarakat lebih memahami sistem keadilan tradisional Dusun dan peranannya dalam mengekalkan keharmonian sosial dan rohani dalam masyarakat.



Rajah 1: Jenis Sogit Dusun Liwan

Sumber: Nur Anis Aswirah, 2024: 49-51

Sogit Kalalangou

Dalam kalangan masyarakat Dusun Liwan ini mempunyai satu sogit kalalangau atau lebih difahami sebagai sogit kepanasan kampung. Kelalangou kampung merujuk kepada kesalahan sehingga mencemarkan kesucian sesebuah kampung di mana tempat kesalahan tersebut dia lakukan. Kelalangou kampung ini merupakan satu kesalahan besar kerana kesalahan tersebut akan menyebabkan keseluruhan penduduk kampung akan berasa malu. Contoh kesalahan yang berkaitan dengan Kalalangou kampung adalah perbuatan zina berkaitan persetubuhan haram di antara pasangan yang belum berkahwin atau sudah berkahwin.

Sekiranya individu tersebut didapati bersalah mereka boleh dijatuhkan hukuman Sogit Kalalangou sejumlah RM 1,500.00 beserta denda adat dua ekor haiwan ternakan seperti lembu, kerbau atau babi. Haiwan ternakan tersebut hendaklah diserahkan kepada ketua kampung di mana kesalahan tempat tersebut dilakukan. Suatu majlis atau kenduri Sogit Kalalangou akan dijalankan. Selalunya daging-daging haiwan tersebut akan diagihkan kepada seluruh masyarakat kampung. Keseluruhan masyarakat kampung juga akan dimaklumkan dengan perkara tersebut. Maka dengan pengetahuan seluruh masyarakat kampung itu terhadap sogit yang dijalankan, terlepaslah segala kesialan atau kemudaratan ke atas kampung dan masyarakat.

Sogit Koimanan

Sogit Koimanan merupakan satu denda yang dijatuhkan kepada individu yang ingkar atau mungkir janji. Dalam kata lain, sogit koimanan akan dikenakan kepada individu yang melanggar sesuatu perjanjian atau kata sepakat yang sudah sedia disepakati dengan disaksikan oleh ketua kampung. Sogit Koimanan ini biasanya akan dibayar oleh pihak yang melanggar persefikatan atau perjanjian dengan membayar balik ganti rugi dengan keseluruhan nilai atau sejumlah nilai yang akan diputuskan oleh ketua kampung kepada pihak yang 'Noimanan' (pihak terkilan atau tersinggung).

Sogit Kosoguluanan

Sogit Kosoguluanan merujuk kepada denda yang dijatuhkan kepada individu yang berkahwin atau menikah mendahului saudara individu tersebut yang lebih tua. Sogit kosoguluanan ini juga dikenali sebagai Sogit Langkah Bendul. Dalam banyak kesalahan yang ada, kesalahan ini merupakan salah satu kesalahan yang agak ringan tetapi perlu dan mustahak untuk dijatuhkan hukuman atau denda. Yang mana sogit ini dikenakan untuk menjaga maruah saudara lebih tua yang belum berkahwin.

Selalunya pihak yang menerima sogit kosoguluanan ini akan diberikan seekor ayam, seutas cincin, rantai lengan dan leher ataupun barang lain yang dianggap senilai, sesuai dan munasabah mengikut adat di kampung di kawasan Sarayo ini. Sogit yang dikenakan adalah

mengikut jumlah saudara lebih tua yang belum berkahwin tersebut. Sogit ini perlu diberikan kepada abang atau kakak yang belum berkahwin sebelum individu tersebut melangsungkan perkahwinannya mereka.

Sogit pongintalaob

Sogit Pongintalaob adalah sogit yang dikenakan kepada seseorang wanita yang melahirkan anak luar nikah. Sogit ini dijalankan bagi meredakan cakap-cakap masyarakat dimana berlakunya kelahiran anak luar nikah tersebut. Individu yang didapati bersalah dengan kesalahan ini akan didenda sebanyak RM1500.00 beserta dengan seekor lembu, kerbau atau khinzir. Kenduri menolak bala akan dijalankan dan daging-daging haiwan tersebut akan diagih-agihkan kepada seluruh masyarakat kampung.

Sogit Popintalib

Sogit jenis ini adalah sogit yang berlaku tanpa menjatuhkan denda atau hukuman kepada individu tertentu. Sogit ini berlaku apabila sesuatu kejadian malang berlaku atau menimpa kepada masyarakat disesuatu kampung. Kejadian seperti seseorang mati hanyut, tertimbas tanah runtuh, bunuh diri dan sebagainya adalah sesuatu yang dianggap malang dan menyedihkan. Sebagai contoh, satu upacara sogit dijalankan bagi menghormati keluarga yang terlibat dalam satu kebakaran rumah yang pernah terjadi di Kampung Sosondotan. Bagi menghormati perasaan dan rasa empati masyarakat kepada keluarga yang terlibat, maka akan diadakan satu hari dimana semua kegiatan perkebunan atau apa-apa pekerjaan dihentikan. Tujuan lainnya adalah supaya akan berlalu segala sifat malang, sial dan kemudaratan keatas kampung dan penduduk kampung tersebut. Majlis kenduri juga akan dijalankan untuk menolak segala bala yang mungkin akan berlaku lagi di kampung tersebut.

Perubahan Pelaksanaan Amalan Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau

Salah satu perubahan pelaksanaan adat sogit dapat dilihat dalam upacara pelaksanaan adat sogit ini. Pelaksanaan adat sogit melibatkan

satu ritual yang penting iaitu ritual pemujaan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum wujudnya pengaruh agama, masyarakat Dusun Liwan di Sarayo ini mengamalkan kepercayaan animism atau pagan. Pada zaman dahulu upacara pelaksanaan adat sogit ini telah diketuai oleh seorang bomoh yang lebih dikenali sebagai ‘bobolian’ dalam menjalankan ritual pemujaan ini. Upacara dimulakan dengan ritual pembersihan spiritual, di mana bobolian akan membaca mantera dan doa dalam bahasa Dusun Liwan untuk meminta restu dan perlindungan roh nenek moyang.

Walau bagaimanapun, selaras perubahan peredaran zaman menyebabkan wujudnya perubahan dalam upacara pelaksanaan adat sogit ini. Penyerapan agama, terutamanya Kristian dan Islam ke dalam masyarakat Dusun Liwan telah membawa perubahan ketara dalam upacara pelaksanaan adat sogit (Janie Rajim, 4 Julai 2024). Perubahan ini mencerminkan usaha untuk mengharmonikan kepercayaan tradisional dengan ajaran agama. Pengurangan elemen animisme dalam upacara adalah salah satu perubahan utama. Upacara sogit pada masa lalu melibatkan berinteraksi dengan roh nenek moyang dan entiti rohani lain. Aspek ini telah dikurangkan atau ditafsir semula apabila penyerapan agama diterima. Doa kepada Tuhan Yang Esa boleh mengantikan mantera yang dahulunya ditujukan kepada pelbagai entiti rohani. Sepertimana terdapat bobolian yang berpegang teguh kepada kepercayaan baru mereka.

Namun begitu, masyarakat Dusun Liwan telah menunjukkan usaha untuk memelihara unsur-unsur penting adat sogit di samping menyesuaikannya dengan pegangan agama. Hal ini termasuk mengekalkan prinsip asas seperti pemulihran keharmonian sosial, pengiktirafan kesalahan, dan kepentingan keamanan masyarakat. Dalam beberapa kes, satu campuran yang menarik telah berlaku di mana unsur-unsur tradisional digabungkan dengan amalan agama baru. Sebagai contoh, upacara sogit boleh dimulakan dengan doa mengikut agama masing-masing, diikuti dengan upacara tradisional yang telah disesuaikan untuk menghormati warisan budaya (Ramran Sikula, 3 Julai 2024). Perubahan ini mencerminkan sifat dinamik budaya dan keupayaan masyarakat menyesuaikan tradisi mereka dalam menghadapi perubahan kepercayaan dan nilai.

Selain itu, perubahan ini juga dapat dilihat dari segi perubahan dalam bentuk dan nilai denda adat sogit ini. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk denda yang dikenakan dalam sogit adalah berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan oleh individu tersebut. Pada asalnya, sogit dilaksanakan dalam bentuk pemberian barang atau haiwan ternakan seperti kerbau, babi, atau ayam. Nilai sogit ditentukan berdasarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan (Masidin Maradan, 3 Julai 2024). Misalnya, kesalahan berat seperti pembunuhan mungkin memerlukan pembayaran beberapa ekor kerbau, manakala kesalahan yang lebih ringan seperti pergaduhan mungkin hanya memerlukan seekor ayam atau babi. Pelaksanaan sogit melibatkan upacara ritual yang dikendalikan oleh ketua adat atau bobolian. Upacara ini biasanya diadakan di hadapan komuniti sebagai saksi, dan melibatkan penyembelihan haiwan yang dijadikan sogit. Darah haiwan tersebut dipercayai dapat membersihkan kesalahan dan memulihkan keseimbangan spiritual dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam beberapa dekad kebelakangan ini, pelaksanaan sogit telah mengalami perubahan yang ketara. Perubahan ini disebabkan perubahan ekonomi dan modenisasi yang berlaku. Sebagaimana yang dapat dilihat tidak seperti sebelum ini, sogit biasanya dibayar dalam bentuk wang tunai berbanding dengan pemberian haiwan atau barang. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan sogit, terutamanya dalam masyarakat moden yang semakin sibuk dan bergantung pada ekonomi pertanian semakin berkurangan.

Perubahan terakhir yang dapat dilihat adalah dari segi pihak yang melaksanakan Sogit. Pada zaman dahulu, pelaksanaan adat sogit melibatkan beberapa pihak utama dalam struktur masyarakat Dusun Liwan. Ketua adat atau ketua kampung memainkan peranan penting sebagai pengantara dan pembuat keputusan yang utama (Janie Rajim, 4 Julai 2024). Mereka bertanggungjawab untuk menentukan jenis kesalahan, nilai sogit yang perlu dibayar, dan memastikan proses pelaksanaan berjalan dengan lancar. Bobolian juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan adat sogit tradisional. Mereka bertanggungjawab untuk menjalankan upacara ritual yang berkaitan dengan sogit, termasuk penyembelihan haiwan korban dan pembacaan mantera untuk membersihkan kesalahan spiritual. Begitu juga dengan penduduk kampung yang secara keseluruhannya terlibat sebagai saksi dalam proses pelaksanaan sogit. Kehadiran mereka bukan sahaja memberikan kesahihan kepada proses tersebut, tetapi juga membantu dalam penyebaran pengetahuan tentang adat dan norma masyarakat kepada generasi muda.

Walau bagaimanapun, dalam konteks masyarakat moden, pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan adat sogit telah mengalami beberapa perubahan yang ketara. Kini, pelaksanaan adat sogit sering melibatkan institusi formal seperti Mahkamah Anak Negeri atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Institusi-institusi ini memberikan struktur yang lebih sistematik dan berkuasa undang-undang dalam pelaksanaan adat sogit. Begitu juga, dalam keskes yang kompleks atau melibatkan nilai sogit yang tinggi, peguam atau pakar undang-undang adat mungkin dilibatkan untuk memberi nasihat atau mewakili pihak-pihak yang terlibat (Janie Rajim, 4 Julai 2024). Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah ini membantu dalam menyesuaikan amalan sogit tradisional dengan keperluan undang-undang moden.

Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Amalan Sogit

Terdapat dua isu dan cabaran utama pelaksanaan amalan sogit Dusun Liwan. Pertama, adalah dari segi penerimaan Masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan zaman tradisional kepada zaman moden mengubah pemikiran masyarakat terhadap amalan tradisional nenek moyang ini. Dalam kata lain, penerimaan masyarakat ini berbeza mengikut peringkat umur masyarakat seperti kanak-kanak, remaja dan juga orang-orang tua. Hal ini dapat dijelaskan bahawa generasi muda yang telah terdedah kepada pendidikan moden dan pengaruh budaya global memandang adat sogit sebagai satu amalan kuno yang tidak relevan dengan realiti semasa pada ketika ini. Generasi muda juga mungkin kurang memahami makna spiritual dan sosial sogit berbanding generasi sebelumnya, yang boleh menyebabkan mereka kurang berminat dan terlibat dalam amalan ini. Generasi muda kemungkinan mula mempersoalkan keberkesanan dan kewajaran sogit dalam menyelesaikan konflik moden (Ramran Sikula, 3 Julai 2024). Sikap ini boleh menyebabkan pengurangan penyertaan dalam amalan adat dan seterusnya mengancam kelangsungannya.

Perubahan dalam nilai masyarakat juga menjadi penyumbang kepada kesukaran untuk menerima sogit. Konsep pemulihan keharmonian komuniti yang menjadi asas sogit mungkin kurang dihargai oleh masyarakat moden yang semakin individualistik dan berorientasikan diri. Hal ini boleh menjadikan sogit dianggap sebagai beban atau halangan daripada cara yang berkesan untuk menyelesaikan

perselisihan faham. Jurang generasi, perubahan sosial dan ekonomi, konflik dengan undang-undang moden, pengaruh agama dan budaya luar, serta isu-isu berkaitan kesesuaian, semuanya mempengaruhi bagaimana adat ini diterima dan diamalkan.

Kedua, adalah dari segi pengaruh agama khususnya setelah kemasukan agama seperti agama Kristian dan Islam ke dalam komuniti masyarakat Dusun Liwan. Fenomena ini telah mencetuskan pelbagai isu yang mempengaruhi pelaksanaan dan penerimaan sogit dalam kalangan masyarakat. Salah satu cabaran utama adalah konflik antara kepercayaan agama baharu dengan amalan tradisional sogit. Bagi sesetengah pengikut agama, ritual dan upacara yang berkaitan dengan sogit mungkin dianggap bertentangan dengan ajaran agama mereka (Masidin Maradan, 3 Julai 2024). Hal ini boleh menyebabkan penolakan terhadap amalan sogit. Dalam pada itu, perubahan dalam persepsi terhadap konsep dosa dan pengampunan juga mempengaruhi penerimaan sogit. Dari perspektif agama pula, terdapat pendekatan lain dalam menangani kesalahan dan pemulihan spiritual, yang boleh bertentangan dengan prinsip asas sogit. Keadaan ini secara tidak langsung boleh kekeliruan dan konflik dalaman bagi individu yang cuba menyelaraskan kepercayaan agama mereka dengan amalan adat.

Oleh itu, pengaruh agama dalam pelaksanaan amalan sogit merupakan isu yang agak rumit dan sensitif. Pendekatan berhemah dan dialog yang berterusan antara pemimpin adat, pemimpin agama, dan masyarakat umum. Cabaran ini mungkin mendorong perubahan dalam cara sogit dilaksanakan, membolehkannya terus relevan dalam masyarakat dari segi agama. Pada masa yang sama, usaha perlu dilakukan untuk memastikan bahawa nilai-nilai asas dan fungsi sosial sogit tidak terhakis dalam proses penyesuaian ini (Masidin Maradan, 3 Julai 2024).

Usaha dan Langkah

Terdapat beberapa langkah yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak dalam mengatasi isu dan cabaran dalam pelaksanaan amalan sogit ini terutamanya dalam kalangan masyarakat Dusun Liwan di kawasan Sarayo, Ranau. Pertama adalah dari segi pendidikan dan kesedaran masyarakat awam. Pendidikan dan kesedaran merupakan tonggak utama dalam usaha melestarikan dan meningkatkan penerimaan terhadap amalan sogit dalam kalangan masyarakat Dusun Liwan. Dalam era

moden ini, yang mana tradisi sering berhadapan dengan cabaran globalisasi dan perubahan sosial, pendekatan yang komprehensif dalam mendidik masyarakat tentang kepentingan sogit adalah sangat diperlukan. Salah satu strategi utama adalah dengan memperkenalkan program pendidikan adat yang menyeluruh. Hal ini boleh dilaksanakan melalui bengkel, seminar, dan kelas khusus yang membincangkan sejarah, kepentingan, dan nilai-nilai sogit. Program-program ini perlu direka untuk menarik minat pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya generasi muda yang mungkin kurang terdedah kepada amalan tradisional ini.

Selain itu, penggunaan platform digital dan media sosial juga memainkan peranan penting dalam usaha ini. Dengan majoriti penduduk kini memiliki akses kepada internet, penyebaran maklumat tentang sogit melalui video pendek, infografik, dan artikel dalam talian boleh mencapai pembaca yang lebih ramai. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan akses kepada maklumat, tetapi juga menjadikan pembelajaran tentang sogit lebih menarik. Oleh itu, Pendidikan dan kesedaran adalah penting untuk memastikan amalan sogit berterusan dan relevan. Masyarakat Dusun Liwan boleh memastikan warisan budaya mereka yang penting dipahami, dihargai, dan diamalkan oleh generasi akan datang dengan menggunakan pendekatan yang pelbagai dan inovatif.

Kedua, penyelarasam amalan sogit dengan kepercayaan agama yang pelbagai menjadi satu langkah dan keperluan yang penting dalam masyarakat Dusun Liwan yang semakin pelbagai dari segi agama. Tujuannya adalah untuk memastikan amalan tradisional ini kekal relevan dan diterima dalam pelbagai agama. Melalui perbincangan antara pemimpin adat dan agama adalah satu langkah penting dalam usaha penyelarasam ini (Syamsul *et.al.*, 2022: 105-128). Forum perbincangan yang melibatkan kedua-dua pihak ini boleh membolehkan orang ramai berkongsi pendapat dan memahami nilai dan prinsip agama yang mendasari amalan sogit. Semasa perbincangan ini, titik persamaan antara amalan tradisional dan ajaran agama boleh dikenal pasti dan diperkasakan. Yang mana, adalah penting untuk mewujudkan garis panduan yang jelas tentang cara amalan sogit boleh disesuaikan dengan kepercayaan agama yang berbeza. Garis panduan ini dibangunkan melalui perundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan, piawaian ini harus cukup fleksibel untuk menerima pelbagai kepercayaan dalam masyarakat. Selain itu, ritual sogit yang mengambil kira kepelbagai-

agama juga merupakan komponen penting. Ini mungkin termasuk mengubah beberapa elemen upacara sogit yang mungkin bertentangan dengan kepercayaan agama tertentu. Sebagai contoh, adalah mungkin untuk mempertimbangkan untuk menggunakan simbol atau objek yang neutral dari segi agama dalam upacara sogit sebagai pengganti elemen yang mungkin sensitif dari sudut pandangan agama tertentu. Dalam pada itu, penglibatan tokoh-tokoh agama dalam proses pelaksanaan sogit juga boleh dipertimbangkan. Ini boleh termasuk meminta nasihat atau pandangan mereka dalam kes-kes tertentu, atau melibatkan mereka sebagai pemerhati dalam proses sogit. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan penerimaan terhadap sogit dalam kalangan penganut agama yang berbeza, tetapi juga dapat memperkaya amalan ini dengan perspektif spiritual yang pelbagai.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Dalam konteks masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau, sogit bukan sekadar sistem hukuman, tetapi merupakan pelaksanaan perspektif mereka terhadap keadilan, keseimbangan, serta hubungan antara manusia, alam semula jadi dan alam ghaib. Sogit berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial, sistem pampasan dan penyelesaian konflik untuk mengekalkan keharmonian komuniti. Proses penyelesaian melalui sogit juga menggalakkan dialog dan pemahaman bersama dalam kalangan pihak yang terlibat. Di samping itu, pembahagian jenis-jenis sogit berdasarkan kesalahan individu menunjukkan warisan tradisional yang masih dihayati dalam masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau. Amalan sogit ini tidak hanya mencerminkan nilai-nilai dan kepercayaan tradisional, tetapi juga berperanan sebagai mekanisme kawalan sosial yang menjamin harmoni, keadilan, dan keseimbangan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Setiap denda yang diputuskan selaras dengan kesalahan yang dilakukan, mencerminkan keadilan dan ketelusan dalam sistem sogit. Amalan ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya masyarakat Dusun Liwan di Sarayo, Ranau. Sogit menghubungkan generasi baharu dengan warisan nenek moyang mereka, walaupun dalam keadaan yang semakin mencabar akibat perubahan zaman. Justeru, memahami konsep dan peranan sogit dalam kehidupan masyarakat Dusun Liwan ini memberi pandangan yang lebih mendalam tentang warisan tradisional komuniti ini.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Nur Anis Aswirah Sabilin. (2024). Sejarah Pengamalan Adat Sogit: Masyarakat Dusun Liwan, Sarayo. Ranau. *Tesis Sarjana Muda*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. (Tidak Diterbitkan).
- Nurul Adawiya Animbok. (2023). Adat Sogit: Sebuah Amalan Kaum Kadazandusun. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*. 8(1): 91-104.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidan Ismail dan Narizan Abdul Rahman. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 19: 1-16.
- Siaw Yan-Li, Azmawaty Mohammad Nor Awang Azman Awang Pawi, (2023). *Warisan Tradisional dan Kebudayaan: Suku Kaum Dusun Ranau*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya Press.
- Syamsul Azizul Marinsah, Abdul Hair Beddu Asis dan Mohammad Firdaus Hasnim. (2022). Amalan Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Di Ranau, Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya dan Hukum Islam. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*. 33(2): 105-128.

Temu Bual

- Janie Rajim. 67 Tahun. Penduduk Kampung Tagudon Lama, Ranau. Adat Sogit Dusun Liwan. 4 Julai 2024.
- Masidin Maradan. 69 Tahun. Bekas Ketua Kampung Tinatasan, Ranau. Adat Sogit Dusun Liwan. 3 Julai 2024.
- Ramran Sikula. 67 Tahun. Penduduk Kampung Torolobou, Ranau. Adat Sogit Dusun Liwan. 3 Julai 2024.